

27 MAY 2000

Citrawarna

PERARAKAN PESTA CITRAWARNA DI DATARAN MERDEKA

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Perarakan Pesta Citrawarna Malaysia 2000 berlangsung dengan meriah, warna warni dan ceria memperlihatkan kekayaan serta keunikan kebudayaan dan kesenian pelbagai suku kaum dan etnik negara ini.

Perarakan yang bermula dari Dataran Merdeka itu disertai lebih 4,000 peserta terdiri daripada kumpulan kesenian pelbagai kaum dari seluruh negara itu dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Yang turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali serta menteri-menteri Kabinet.

Persembahan kumpulan penari India, Cina dan Melayu yang menampilkan pelbagai konsep yang melambangkan budaya dan seni masyarakat masing-masing membuka tirai persembahan Pesta Citrawarna.

Ia diikuti dengan persembahan penyanyi, Intan Syafarina mendendangkan lagu tema Bulan Citrawarna Malaysia.

Persembahan yang menggambarkan perpaduan masyarakat berbilang kaum dan budaya itu dilakukan oleh 400 peserta terdiri daripada kumpulan kesenian Kompleks Istana Budaya, artis profesional, kumpulan kesenian persendirian dan Kanak-kanak Tunas Budaya.

Perarakan dimulakan dengan persembahan Kumpulan Dewan Bandaraya Kuala (DBKL) yang disertai 130 peserta yang menampilkan persembahan keindahan pakaian yang bercirikan bangsa Malaysia dan Kuala Lumpur sebagai pusat budaya dan tamadun Malaysia masa kini.

Ia kemudian susuli dengan persembahan setiap negeri yang terdapat di Malaysia.

Perarakan yang bermula dari Dataran Merdeka melalui Jalan Raja Laut hingga ke Jalan Tuanku Abdul Rahman sejauh 1.5 km itu juga disaksikan oleh ribuan warga kota serta pelancong asing.

Orang ramai yang menyaksikan jelas terhibur malah ada yang turut mengambil kesempatan menggayakan gerak geri meniru aksi kumpulan-kumpulan kesenian pelbagai kaum yang berarak dengan gaya persembahan dan irama tersendiri.

Pesta Citrawarna diakhiri dengan tiupan seruling yang mengalunkan lagu "Malaysia Truly Asia" dan kehadiran sebuah kapal yang didayung oleh sekumpulan pahlawan dengan penumpangnya terdiri pelancong asing disambut oleh rakyat pelbagai kaum dan budaya negara.

Perarakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan itu adalah acara pertama dan kemuncak Bulan Citrawarna yang diadakan bermula hari ini hingga 25 Jun.

Bulan Citrawarna Malaysia bertujuan mempamerkan kekayaan dan keindahan budaya serta ada istiadat pelbagai kaum di Malaysia berteraskan kegiatan kesenian dan kebudayaan, seni kraf dan tampak, makanan serta pakaian.

Perarakan Citrawarna yang terbesar pernah diadakan di negara ini itu diharap menjadi yang terunggul kerana keunikan pelbagai kaum dan kesenian di Malaysia dan lebih menarik berbanding acara yang sama di Rio De Janeiro, Mardi Gras di New Orleans dan Rosebowl di Pasadena.

-- BERNAMA

HS FAZ